

PPIB UMS sumbang buku rujukan, bahan bacaan kepada SK Ulu Muanad


UB 9.9.2019 7
Oleh Yusop Teppo

BELURAN: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Cawangan Sandakan menyampaikan sumbangan buku rujukan dan bahan bacaan 'English is Fun' kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Muanad, di sini, baru-baru ini.

Penyampaian sumbangan itu diadakan sempena Program Bakti Mesra anjuran PPIB UMS Cawangan Sandakan di sekolah berkenaan.

Penyelaras PPIB UMS Cawangan Sandakan Dr Sharifah Darmia Sharif Adam dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada guru besar dan pihak sekolah kerana mengalu-alukan kedatangan pihaknya.

"Sudah lama kami menyimpn hasrat untuk melaksanakan program yang dapat memberi sumbangan



ALBUM: Sesi bergambar kakitangan PPIB UMS Sandakan dengan guru-guru dan murid Tahun 1 dan 2 SK Ulu Muanad.

kepada masyarakat sekitar selaras dengan motto UMS, 'Bertekad Cemerlang', tapi baru kini hasrat ini terlaksana.

"Justeru, pihak kami ber-


besar hati memilih SK Ulu Muanad untuk memberikan sedikit sumbangan dalam bentuk buku rujukan dan bahan bacaan ini," katanya.

Beliau berharap dengan

sumbangan kecil itu dapat memupuk minat membaca dan menambah ilmu pengetahuan murid-murid di sekolah berkenaan.

"Hari ini kami juga akan

mengadakan sedikit aktiviti santai bersama murid-murid Tahun 1 dan 2 di makmal sekolah. InsyaAllah lain masa nanti dapat kita libatkan semua murid hingga Tahun



SUMBANGAN: Sharifah menyerahkan sumbangan buku rujukan kepada Abd Sukor.

6," katanya.

Sementara itu, Guru Besar SK Ulu Muanad Abd Sukor Barhim mengucapkan terima kasih kepada pihak PPIB UMS Sandakan atas sumban-

gan buku rujukan dan bahan bacaan berkenaan.

"Saya juga berharap agar program sebegini dapat diadakan lagi pada masa hadapan," katanya.